

**Malaysia, Asean Bertungkus-lumus Capai Penyelesaian Dalam Isu Laut China Selatan**  
**Bernama**  
**16 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Malaysia dan beberapa negara anggota Asean telah bertungkus-lumus untuk mencapai penyelesaian ke atas seksyen yang berkaitan dengan isu Laut China Selatan dalam Kenyataan Bersama pada Mesyuarat ke-45 Menteri-Menteri Luar Asean (AMM) dan mesyuarat berkaitan baru-baru ini.

Bagaimanapun, menurut kenyataan Kementerian Luar Isnin, negara anggota Asean tidak dapat mencapai kata sepakat, menyebabkan Kenyataan Bersama itu tidak dapat dikeluarkan.

"Kementerian ingin mengulangi pandangan Malaysia bahawa kegagalan pengeluaran Kenyataan Bersama AMM ke-45 tidak melunturkan semangat dan ketetapan Asean untuk memulakan perbincangan dengan pihak China bagi merangka Kod Tatalaku di Laut China Selatan yang bertujuan menjamin keselamatan dan keamanan di rantau ini," menurut kenyataan itu.

Kementerian Luar berkata negara anggota Asean bersetuju mengenai elemen Kod Tatalaku di Laut China Selatan dan bersedia untuk memulakan perbincangan dengan China berhubung perkara itu.

Mesyuarat itu berlangsung di Phnom Penh, Kemboja selama lima hari mulai 9 Julai.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681062>

